

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## **PENGESAHAN KEPATUHAN SYARIAH PELAN OPERASI MANAR HOLDINGS SDN BHD (1176843-V)**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas baginda Nabi Muhammad ﷺ, keluarga baginda ﷺ dan para sahabatnya.

Setelah dilakukan semakan dan perbincangan terperinci berkenaan pelan operasi wakaf yang dibentangkan oleh pihak pengurusan yang merangkumi perkara berikut:

- a) Latar belakang syarikat, lesen dan kelulusan Majlis Agama Islam Negeri
- b) Operasi pengurusan wakaf al-Quran
- c) Produk wakaf al-Quran yang ditawarkan
- d) Pelan pemasaran dan bonus insentif
- e) Polisi, garis panduan, terma dan syarat

Dengan ini, sekadar kemampuan dan kefahaman pihak kami, semua perkara di atas adalah **DISAHKAN** mematuhi hukum dan prinsip Syariah. Dengan pengesahan ini, pihak pengurusan dan agen mestilah mematuhi semua syarat dan garis panduan yang telah diputuskan.

Penyemakan dari semasa ke semasa akan dijalankan demi memastikan pelaksanaan pelan operasi wakaf Manar Holdings Sdn. Bhd. sentiasa menepati hukum syarak. Kami juga dengan ini tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang pindaan ke atas pelan operasi wakaf tanpa pengetahuan dan pengesahan pihak kami. Kami juga tidak bertanggungjawab ke atas salah laku mana-mana individu daripada syarikat dan agen dalam menjalankan aplikasi pelan yang diluluskan.


Pengesahan ini adalah eksklusif bagi pelan operasi wakaf yang digunakan oleh Manar Holdings Sdn. Bhd. serta tidak terpakai bagi mana-mana pihak lain.

Wallahu 'alam.

5 Rejab 1443H bersamaan 7 Februari 2022



**SYAFIQ NADZMI ZAINUL ABIDIN**  
Eksekutif Syariah,  
Elzar Shariah Solution Sdn. Bhd.



**DR. ZAHARUDDIN ABD RAHMAN**  
Pengerusi,  
Elzar Shariah Solution Sdn. Bhd.